



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## **TEKS UCAPAN**

**YB PUAN LIM HUI YING  
TIMBALAN MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

### **SEMPENA**

**PROGRAM ADVOKASI KESEJAHTERAAN UNTUK WANITA  
@KEGANASAN RUMAH TANGGA (AKU WANITA@KRT) NEGERI  
PULAU PINANG**

### **LOKASI / TARIKH / MASA**

**HOTEL BERJAYA | 12 MEI 2026  
(SELASA) | 11.20 PAGI**

Salam Sejahtera,

Salam Malaysia MADANI,

Terima kasih kepada pengacara majlis

### **SALUTASI**

## **(A) PENDAHULUAN**

1. Saya amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk hadir pada hari ini bagi merasmikan **Program Advokasi Kesejahteraan untuk Wanita@Keganasan Rumah Tangga (Aku Wanita@KRT)**. Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada **Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN) Pulau Pinang**, atas kejayaan cemerlang dalam merealisasikan penganjuran program ini.
2. Saya turut mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran kira-kira **400 peserta** yang komited memberikan sokongan terhadap penganjuran program pada hari ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mempamerkan manifestasi yang jelas bahawa tahap kesedaran dan keprihatinan masyarakat terhadap isu keganasan rumah tangga semakin meningkat dan wajar diberi perhatian serius.

## **(B) KES KEGANASAN RUMAH TANGGA**

Hadirin yang saya muliakan,

3. Episod keganasan rumah tangga merupakan barah yang telah lama menghantui masyarakat kita. Baru-baru ini, kita dikejutkan dengan insiden keganasan rumah tangga yang menyayat hati apabila seorang wanita hamil dipercayai dipukul oleh suaminya sehingga mengalami keguguran. Lebih meruntun hati, kes ini dikaitkan dengan perilaku berulang oleh pelaku yang sebelum ini pernah disabitkan kesalahan mencederakan bekas isterinya sehingga koma.

4. Terdapat juga mangsa keganasan rumah tangga yang telah tampil membuat laporan, namun menarik semula aduan akibat ugutan, kekangan kewangan, atau ketiadaan tempat perlindungan. Keadaan ini jelas menunjukkan bahawa keganasan rumah tangga bukan isu jenayah semata-mata, tetapi juga berkait rapat dengan kebergantungan ekonomi dan tekanan psikologi yang membelenggu mangsa, sekali gus menuntut pendekatan yang lebih menyeluruh dan bersepadu daripada semua pihak.
5. Keganasan rumah tangga merupakan satu bentuk jenayah dan ancaman senyap yang berupaya meruntuhkan kesejahteraan institusi keluarga sekiranya tidak ditangani dengan tegas dan bersepadu. Realitinya, penderaan dan keganasan dalam rumah tangga masih berleluasa dan berlaku dalam pelbagai bentuk, bukan sahaja secara fizikal, malah melibatkan penderaan emosi, seksual, ekonomi dan psikologi yang boleh memberi kesan jangka panjang terhadap mangsa, khususnya wanita dan kanak-kanak.
6. Kebanyakan kes keganasan rumah tangga dilakukan oleh individu yang dikenali mangsa sendiri, seperti suami, bekas suami atau teman lelaki. Situasi ini menjadikan isu tersebut lebih kompleks kerana kerap kali tidak dilaporkan kepada pihak berkuasa atas faktor masalah dalaman keluarga, rasa takut, malu, atau dianggap sebagai hal peribadi yang perlu diselesaikan secara tertutup. Selain itu, masih terdapat juga mangsa yang tidak mengetahui saluran yang betul untuk membuat laporan kes, sekali

gus menyebabkan mereka terus berada dalam kitaran keganasan tanpa mendapatkan perlindungan dan bantuan yang sewajarnya.

7. Perkara ini menuntut penglibatan dan kerjasama agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), komuniti serta individu bagi memastikan mangsa sentiasa dilindungi, disokong dan diberi akses bantuan yang sewajarnya.
8. Kerajaan komited menangani keganasan rumah tangga melalui penggubalan akta, pelaksanaan dasar serta penubuhan jawatankuasa seperti Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga bagi memastikan wanita sentiasa dilindungi dan dibela. Usaha ini turut diperkukuh melalui pendekatan bersepadu yang melibatkan pencegahan, perlindungan dan pemulihan. Pada masa yang sama, komitmen ini juga adalah selaras dengan agenda antarabangsa seperti *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women* (CEDAW) dan *Women, Peace and Security* (WPS) Agenda yang menekankan aspek perlindungan, penyertaan dan pemerkasaan wanita secara menyeluruh di peringkat global.

### **(C) MEMPERKASA WANITA DAN KOMUNITI DALAM MENANGANI KEGANASAN RUMAH TANGGA**

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia, sebanyak **7,391 kes** keganasan rumah tangga telah dilaporkan pada **tahun 2025** berbanding **7,116 kes** pada **tahun 2024**. Sehingga bulan **Mac 2026**, sebanyak **1,955 kes keganasan rumah tangga** telah direkodkan.

Bagi negeri **Pulau Pinang**, **347 kes** keganasan rumah tangga telah dilaporkan sepanjang **tahun 2025**.

10. Bilangan kes yang meningkat ini memberikan isyarat yang jelas bahawa isu keganasan rumah tangga masih memerlukan perhatian yang serius daripada semua pihak. Dalam hal ini, usaha pencegahan, intervensi awal serta sokongan kepada mangsa perlu diperkukuh secara berterusan bagi membendung isu ini daripada terus berleluasa.
11. Advokasi perlu diperluaskan agar mesej pencegahan, perlindungan dan sokongan kepada mangsa dapat disampaikan secara lebih menyeluruh dan berkesan. Justeru, **Program Advokasi Kesejahteraan untuk Wanita@Keganasan Rumah Tangga** atau **Aku Wanita@KRT** berperanan untuk mendekati masyarakat melalui pelaksanaan aktiviti berimpak tinggi, telus dan berfokuskan penyelesaian, khususnya dalam menangani isu keganasan rumah tangga bersama para pemandiri (*survivors*).
12. Objektif program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya wanita mengenai risiko keganasan era baharu serta kepentingan tidak mudah terpengaruh dengan arus kehidupan semasa yang boleh membawa kepada pelbagai bentuk keganasan, termasuk keganasan rumah tangga. Program ini juga bertujuan memperkukuh kefahaman masyarakat melalui perkongsian maklumat dan kes-kes sebenar sebagai langkah pencegahan. Di samping itu, program ini juga bertujuan menggalakkan keberanian wanita untuk tampil melaporkan

sebarang jenayah kepada pihak berkuasa serta membantu mangsa lain yang terkesan.

13. Selain itu, sesi intervensi psikologi yang dinamakan “**K-Chat**” turut diperkenalkan sebagai satu bentuk intervensi berkumpulan yang melibatkan pemandiri bersama kaunselor dan fasilitator terlatih dengan matlamat untuk membantu peserta memahami dengan lebih mendalam dan menangani kesan emosi, psikologi dan sosial akibat keganasan yang dialami. Pendekatan ini diharap dapat memperkukuh sokongan pemulihan dan meningkatkan kesejahteraan diri peserta secara menyeluruh.
14. Pada tahun 2025, program Aku Wanita@KRT telah dilaksanakan di negeri Sabah, Terengganu, Perak dan Johor dengan kehadiran seramai **1,971 orang peserta** dan **78 orang pemandiri**. Susulan sambutan yang amat menggalakkan daripada peserta, program ini diteruskan pada tahun ini dan diperluaskan ke semua negeri dengan kerjasama strategik Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN).
15. KPWKM menerusi JPW turut giat melaksanakan pelbagai program advokasi berkaitan isu keganasan rumah tangga secara berterusan melalui penyediaan perkhidmatan kaunseling, program psikopendidikan seperti Program Meningkatkan Daya Tahan dan Psikologi Wanita (Matahari), Program Literasi Perundangan dan Hak Wanita (IRIS) serta Skwad Waja sebagai barisan sokongan komuniti yang membantu memperkukuh usaha penyebaran maklumat, kesedaran dan bantuan kepada wanita yang memerlukan.

16. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berkongsi mengenai inisiatif PRISMANita yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 10 Mac 2026 sempena Sambutan Hari Wanita Antarabangsa tahun 2026. **PrismaNita** atau **Perantara Rujukan, Intervensi, Sokongan, Maklumat dan Advokasi untuk Wanita** berperanan sebagai pusat sehati bagi memudahkan wanita mendapatkan bantuan berkaitan pelbagai isu termasuk keganasan rumah tangga melalui akses kepada perkhidmatan sokongan yang lebih pantas, terselaras dan mesra mangsa.
17. Sehingga 28 April 2026, seramai **34 klien** telah mendapatkan perkhidmatan di PRISMANita@PPWN seluruh Malaysia, sekali gus mencerminkan keperluan serta relevansi inisiatif ini dalam memperkukuh ekosistem sokongan kepada wanita di peringkat negeri. Saya berharap agar hadirin sekalian dapat menguar-uarkan mengenai perkhidmatan PRISMANita yang ditawarkan di PPWN Pulau Pinang.

#### **(D) PENUTUP**

Hadirin yang saya kasihi,

18. Ingin saya tegaskan di sini bahawa komitmen KPWKM untuk menangani keganasan rumah tangga adalah jelas dan tidak berbelah bahagi. Kementerian akan terus melaksanakan pelbagai program berbentuk pencegahan, perlindungan dan pemulihan secara bersepadu, agar setiap individu yang terkesan mendapat akses kepada sistem sokongan yang tersedia tanpa ada yang tercicir. Sehubungan itu, orang ramai yang memerlukan bantuan

atau ingin mendapatkan nasihat boleh menghubungi Talian Kasih 15999 yang beroperasi 24 jam, atau menggunakan aplikasi whatsapp ke nombor 019 2615999 atau boleh juga menggunakan aplikasi Talian Kasih selain membuat aduan terus ke balai polis atau hospital berdekatan.

19. Besar harapan saya agar Program Aku Wanita@KRT pada hari ini memberi manfaat yang besar kepada masyarakat khususnya komuniti di Pulau Pinang. Marilah kita bersama-sama memperkukuh iltizam dan menyokong segala usaha menangani isu keganasan rumah tangga dan melindungi wanita daripada segala bentuk keganasan, penganiayaan dan ketidakadilan.
20. Dengan ini, saya dengan penuh sukacitanya merasmikan **Program Advokasi Kesejahteraan untuk Wanita@Keganasan Rumah Tangga atau Aku Wanita@KRT Negeri Pulau Pinang.**

Sekian, terima kasih.

**YB Puan Lim Hui Ying**  
**Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**

**12 Mei 2026**